

## Kajian Kes (Set 1)

- 1) Berapakah **fi yang dikenakan kepada pesakit warga asing yang mendapatkan rawatan di Jabatan Pesakit Luar?**

**Jawapan:**

Fi Pendaftaran Pesakit Luar Am (warga asing) yang mendapatkan rawatan di semua Klinik Kesihatan/Klinik Pergigian/Klinik 1Malaysia/Klinik Desa adalah sebanyak RM23 bagi setiap kali lawatan yang merangkumi pendaftaran, perundingan, dan ubat.

Manakala bagi pendaftaran pesakit di Klinik Luar Pakar, fi pendaftaran adalah sebanyak RM78 merangkumi pendaftaran, perundingan, dan ubat. Bagi lain-lain perkhidmatan yang diberikan, caj hendaklah dikenakan berdasarkan Jadual 1, 3, 4, 5 dan 7.

- 2) **Seorang bapa membawa anak datang ke klinik dengan hanya membawa Guarantee Letter (GL) sekolah . Kanak-kanak tersebut tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan seperti IC/MyKid. Apakah kategori caj yang terpakai kepada kanak-kanak tersebut?**

**Jawapan:**

Kanak-kanak tersebut akan dikenakan caj atas kadar warga asing.

- 3) **Bagaimanakah penentuan caj deposit untuk penggunaan Implan/Prosthesis bagi pesakit warga asing?**

**Jawapan:**

Pesakit warga asing yang menggunakan peralatan Implan/Prosthesis hendaklah dikenakan bayaran deposit penuh mengikut caj semasa peralatan tersebut.

- 4) Apakah caj yang terlibat bagi pekerja/pelajar warga asing yang ingin membuat pemeriksaan kesihatan?

Jawapan:

Berikut adalah caj-caj yang perlu dikenakan bagi pesakit warga asing yang ingin membuat pemeriksaan kesihatan (kadar caj adalah berubah berdasarkan Jadual Caj Warga Asing):

- i. Caj Pendaftaran - RM23;
  - ii. Caj Pemeriksaan Kesihatan - RM230 (pakej: ujian fizikal, *urine FEME*, dan x-ray); dan
  - iii. Lain-lain ujian tambahan (jika ada) – caj berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
- 5) Fahrin Ahmad adalah seorang kakitangan kerajaan. Beliau telah datang ke Klinik Pergigian untuk membuat gigi palsu. Adakah perkhidmatan tersebut perlu dicaj atau tidak?

Jawapan:

Fahrin Ahmad perlu dikenakan caj bagi perkhidmatan membuat gigi palsu tersebut. [Rujuk Perintah Am, Bab F, Perkara (1)(2)]

- 6) **Jenny merupakan seorang ibu mengandung berstatus warga asing yang telah dirujuk dari Klinik Kesihatan ke Klinik Pergigian. Ketika tiba di Klinik Pergigian tersebut, adakah Jenny perlu dikenakan caj pendaftaran walaupun beliau telah membayar caj pendaftaran di Klinik Kesihatan sebelum itu.**

Jawapan:

Ya, Jenny perlu dikenakan caj pendaftaran di Klinik Pergigian walaupun beliau telah membayar caj pendaftaran di Klinik Kesihatan.

- 7) **Bagaimanakah penentuan caj ibu atau bapa yang menemani anak di wad?**

**Jawapan:**

- (i) Bagi pesakit warga asing, caj dikenakan adalah separuh daripada kadar caj wad pesakit tersebut;
- (ii) Bagi pesakit warganegara Kelas 3, tiada caj dikenakan kepada ibu/bapa yang menemani anak (pesakit) tersebut; dan
- (iii) Bagi pesakit warganegara Kelas 1 dan 2, caj yang dikenakan adalah separuh daripada kadar caj wad pesakit (anak) tersebut.

**8) Apakah caj yang terlibat bagi pesakit warga asing yang datang membuat ujian *Pap Smear* di Klinik Kesihatan?**

Jawapan:

Pesakit perlu dikenakan caj berikut (kadar caj adalah berubah berdasarkan Jadual Caj Perubatan Warga Asing):

- i) Caj Pendaftaran: RM23; dan
- ii) Caj *Pap Smear* : RM24.

### Kajian Kes (Set 2)

- 1) Setiana Dewi adalah pesakit **kanak-kanak berumur 10 tahun, lahir di Malaysia, ada Sijil Kelahiran Malaysia dan bapanya adalah seorang Penduduk Tetap. Adakah Setiana Dewi perlu dikenakan caj sebagai pesakit warganegara atau warga asing?**

**Jawapan:**

Setiana Dewi layak dikenakan caj mengikut Perintah Fi (Perubatan) 1982 – Caj warganegara.

- 2) **Vladimir adalah seorang pesakit warga asing yang mempunyai temujanji ulangan. Adakah beliau perlu dikenakan caj pendaftaran bagi setiap temujanji atau hanya dibayar sekali sahaja pada temujanji kali pertama?**

**Jawapan:**

Vladimir perlu dikenakan Caj Pendaftaran pada setiap temujanji yang dihadiri.

- 3) **Apakah caj-caj yang terlibat bagi pesakit warga asing yang mendapatkan rawatan Inhalation Therapy di Jabatan Kecemasan?**

**Jawapan:**

Caj-caj yang terlibat adalah (kadar caj adalah berubah berdasarkan Jadual Caj Perubatan Warga Asing):

- i) Caj Pendaftaran : RM65
- ii) Caj Inhalation Therapy: RM18 (Jadual 3, Item 237)

- 4) **Citra Lestari yang berasal dari Indonesia telah berkahwin dengan Ashraf Sidek, seorang warganegara Malaysia dan telah mendapat Sijil Nikah yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak. Citra Lestari telah menerima rawatan Postnatal di rumah (Homevisit) oleh Jururawat dari Klinik Kesihatan Taiping. Adakah Citra Lestari perlu dikenakan Caj Pendaftaran bagi setiap lawatan Homevisit tersebut?**

**Jawapan:**

Caj Perubatan Citra Lestari adalah tertakluk di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 kerana beliau telah berkahwin dengan seorang warganegara Malaysia.

Sehubungan dengan itu, tiada caj pendaftaran dikenakan bagi perkhidmatan Homevisit tersebut berdasarkan Perkara 16 (5) Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Surat Pekeliling Bahagian Kewangan KKM Bil. 1 Tahun 2013.

- 5) **Salina Tagore, seorang pesakit warga asing telah dimasukkan ke wad dan perlu membuat rawatan di Klinik Pergigian. Perlukah Sharmila dikenakan caj bagi rawatan pergigian tersebut di Klinik Pergigian atau semasa *discharge* di wad?**

**Jawapan:**

Caj rawatan pergigian perlu dimasukkan ke dalam Kepingan Caj pesakit dan pesakit akan dikenakan bayaran semasa *discharge* dari wad.

- 6) **Caj Bilik Bersalin (Labour Room):**

**Sutinah : Bersalin secara normal di *Labour Room*;**  
**Rikasari : Bersalin secara caesarean; dan**  
**Muryati : Telah memasuki *Labour Room* untuk bersalin secara normal, walau bagaimanapun berikutan terdapat komplikasi beliau terpaksa dibawa ke Dewan Bedah untuk menjalani pembedahan caesarean.**

**Ketiga-tiga pesakit di atas adalah warga asing dan siapakah antara mereka yang perlu dicaj untuk penggunaan *Labour Room*?**

**Jawapan:**

Sutinah sahaja yang akan dikenakan caj Bilik Bersalin kerana Caj Bilik Bersalin hanya dikenakan bagi pesakit yang bersalin secara normal. Pesakit yang bersalin secara caesarean tidak perlu dikenakan caj Bilik Bersalin walaupun sebelum itu telah memasuki Bilik Bersalin terlebih dahulu.

- 7) **Bagi kes bersalin secara Caeserean untuk bayi kembar, bagaimanakah penentuan caj caesarean dikenakan? Adakah sekali sahaja atau digandakan mengikut jumlah kembar yang dilahirkan?**

**Jawapan:**

Caj bersalin secara Caeserean bagi kelahiran kembar dikenakan sekali sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya kelahiran itu melibatkan dua prosedur berlainan iaitu seorang dilahirkan secara normal dan seorang lagi dilahirkan secara Caeserean, maka caj perlu dikenakan bagi setiap kaedah bersalin berkenaan iaitu Caj Bersalin Biasa dan Caj Caeserean.

- 8) **Apakah kod yang digunakan untuk pembayaran bagi laporan perubatan yang bernilai seperti berikut:**
- (i) RM40; dan**
  - (ii) RM160.**

**Jawapan:**

- (i) Bagi Laporan Perubatan yang bernilai RM40 : kod yang digunakan adalah 86340; dan
- (ii) Laporan Perubatan yang bernilai RM160 : RM80 daripada jumlah tersebut adalah kod 86340 dan RM80 lagi adalah kod 72199.

### Kajian Kes (Set 3)

- 1) Adakah bayi kepada pasangan warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing yang lahir di luar negara perlu dikenakan bayaran semasa membuat pemeriksaan di klinik kesihatan/hospital di Malaysia?

**Jawapan:**

Kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia akan dicaj sebagai warganegara semasa membuat pemeriksaan/rawatan di klinik/hospital Kerajaan. Jika kanak-kanak tersebut tidak memenuhi kriteria berkenaan, mereka akan dicaj sebagai warganegara asing.

- 2) **Apakah prosedur/ujian yang termasuk dalam pakej Pemeriksaan Kesihatan yang berjumlah sebanyak RM100.00?**

**Jawapan:**

Caj pemeriksaan kesihatan (*Medical Check Up*) untuk warganegara adalah sebanyak RM100.00 bagi Ujian Fizikal, Urine FEME dan X-Ray. Bagi ujian-ujian tambahan lain yang diminta dalam pemeriksaan tersebut, pesakit akan dikenakan caj tambahan atas kadar kelas satu.

- 3) **Apakah proses yang perlu dilakukan untuk penggunaan *Guarantee Letter* (GL) bagi isteri kakitangan kerajaan yang bersalin? Perlukah seseorang kakitangan kerajaan membuat apa-apa bayaran jika GL telah dikemukakan?**

**Jawapan:**

Jika isteri seorang kakitangan kerajaan mendapatkan rawatan/bersalin di hospital kerajaan, GL perlu dikemukakan setiap kali mendapatkan rawatan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 25, Perintah Am Bab F. Seorang kakitangan kerajaan tidak perlu membuat sebarang pembayaran sekiranya GL telah dikemukakan.

- 4) **Klinik Kesihatan Tanjung Rambutan adalah termasuk dalam senarai klinik yang beroperasi selepas waktu pejabat. Adakah pesakit yang mendaftar dan menerima rawatan pada waktu tersebut perlu dikenakan caj?**

**Jawapan:**

Ya, pesakit perlu dikenakan caj setiap kali mendapatkan rawatan bagi setiap perkhidmatan yang diberikan di Klinik Kesihatan walaupun selepas waktu pejabat. [Contoh: Caj Pendaftaran sebanyak RM23.00 (warga asing) dan RM1.00 (warganegara)].

- 5) **Sepasang suami isteri warga asing membawa bayi mereka ke klinik kesihatan untuk mendapatkan imunisasi berkala selepas dilahirkan. Apakah caj yang terlibat bagi perkhidmatan tersebut?**

**Jawapan:**

Caj yang terlibat adalah caj pendaftaran (RM23.00) dan caj imunisasi (RM23.00).

- 6) **Encik Kamal merupakan seorang pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) dan beliau telah membuat pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan Luyang berikutan ditawarkan bekerja di sebuah syarikat swasta. Adakah Encik Kamal perlu dikenakan caj bagi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan tersebut?**

**Jawapan:**

Ya, Encik Kamal perlu dikenakan caj bagi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan tersebut kerana golongan OKU (warganegara dan berdaftar dengan JKM) hanya dikecualikan bayaran wad kelas 3 dan rawatan pesakit luar sahaja.

- 7) **Apakah caj pemeriksaan kesihatan yang dikenakan kepada pemegang senjata api warga emas yang mahu memperbaharui lesen senjata api?**

**Jawapan:**

Caj pemeriksaan kesihatan kepada pemegang senjata api yang terdiri daripada warga emas adalah sebanyak RM100+-. [Rujuk Jadual H, Bahagian 3, Perintah Fi (Perubatan) 1982]

- 8) **Tiga sahabat baik iaitu **Alice, Benny dan Charlie** telah pergi ke Klinik Kesihatan Tamparuli bagi menjalani pemeriksaan kesihatan berikutan ditawarkan pekerjaan di jabatan/syarikat seperti berikut:**

**(i) Alice : Jabatan Pembangunan Wanita;**

**(ii) Benny: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu; dan**

**(iii) Charlie: Syarikat Dimensi Maju Sdn. Bhd.**

**Nyatakan caj pemeriksaan kesihatan yang perlu dikenakan kepada ketiga-tiga sahabat tersebut.**

**Jawapan:**

(i) Alice : Percuma [Perintah Am, Bab F, 29(a)] – Dengan syarat mengemukakan surat tawaran pekerjaan tersebut;

(ii) Benny :

(a) Percuma [Perintah Am, Bab F, 29(a)] – Dengan syarat mengemukakan surat pengesahan majikan tanpa panel doktor;



(b) RM20++ (Pakej: X-Ray, Urine FEME dan pemeriksaan fizikal) – Tanpa surat pengesahan majikan atau surat pengesahan majikan mempunyai panel doktor.

(iii) Charlie: RM100++ [Jadual H, Bahagian 3, Perintah Fi (Perubatan) 1982]

Kajian Kes (Set 4)

- 1) Halina seorang warga Indonesia telah menerima rawatan sebagai pesakit luar dengan jumlah bil sebanyak RM95.00 dan beliau telah mengemukakan *Guarantee Letter (GL)* daripada syarikat tempat beliau bertugas. Adakah penggunaan GL tersebut boleh diterima? Jika tidak, nyatakan sebab.

**Jawapan:**

Tidak, penggunaan GL bagi syarikat yang berdaftar dengan KKM hanya diterima bagi Pesakit Dalam sahaja.

- 2) **Adakah pelajar warga asing yang mengambil suntikan HPV di sekolah perlu dikenakan caj?**

**Jawapan:**

Ya, pelajar sekolah warga asing perlu dikenakan caj suntikan HPV iaitu sebanyak RM23 (Jadual 7, Item 3) bagi setiap suntikan dan juga caj pendaftaran sebanyak RM23.

- 3) **Bagaimanakah penentuan caj bayaran bagi salinan (fotokopi) laporan perubatan pesakit warga asing dan apakah kod hasil yang terlibat?**

**Jawapan:**

Bagi salinan laporan perubatan, caj yang perlu dikenakan adalah separuh daripada kadar caj laporan asal dan kod yang digunakan adalah 72199.

Contoh: Fi Laporan Perubatan = RM92.00

Salinan: Separuh daripada kadar Laporan Perubatan = RM46.00

- 4) **Adakah pesakit yang mendapatkan rawatan kerana diserang/dirompak/pergaduhan yang bukan di bawah tahanan polis perlu dikenakan caj?**

**Jawapan:**

Pesakit perlu dikenakan caj.

- 5) **Seorang pesakit warga asing telah dimasukkan ke dalam Wad Psikiatrik pada tahun 2014 dengan caj rawatan sebanyak RM750.00 dan masih menerima rawatan di wad tersebut sehingga tahun 2015. Perlukah pesakit dikenakan caj rawatan psikiatrik mengikut kadar baru 2015 atau sekadar membayar perbezaan kadar rawatan psikiatrik tersebut?**

**Jawapan:**

Bayar perbezaan caj rawatan psikiatrik tersebut antara kedua-dua tahun berkenaan (tahun 2014 dan 2015), iaitu:

Tahun 2014 : RM750  
Tahun 2015 : RM975  
Perbezaan : RM225

**6) Berapakah kadar caj Laporan Perubatan bagi pesakit UNHCR?**

**Jawapan:**

Kadar caj Laporan Perubatan bagi pesakit UNHCR adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

[Caj penuh yang dikenakan kepada warga asing]

**7) Kamil adalah seorang pemegang Kad OKU dan telah berkahwin dengan Azura. Azura telah mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Bako sebagai pesakit luar. Adakah Azura perlu dikenakan caj pendaftaran di Klinik Kesihatan tersebut?**

**Jawapan:**

Azura perlu dikenakan caj pendaftaran seperti biasa kerana pengecualian bagi Orang Kurang Upaya tidak dipanjangkan kepada keluarga mereka.

**8) Sheila telah dirawat sebagai pesakit dalam di Hospital Sultanah Aminah selama 8 hari. Pada 3 hari pertama beliau telah ditempatkan di Wad Kelas 3 dan hari seterusnya beliau meminta untuk dipindahkan ke Wad Kelas 1. Nyatakan kaedah pengenaan bil wad dan rawatan kepada Sheila sepanjang 8 hari beliau berada di hospital tersebut.**

**Jawapan:**

Caj yang perlu dijelaskan oleh Sheila adalah seperti berikut:

- Caj wad kelas 3 : RM3 x 3 hari
- Caj wad kelas 1 : RM80 x 5 hari
- Caj rawatan : RM10 x 8
- Caj perkhidmatan / siasatan yang diberikan berdasarkan kadar kelas 1.